

**LIMA'23: Pertunjukan aerobatik dari lima negara bakal gegarkan ruang udara Langkawi**  
**Astro Awani**  
**10 Mei 2023**

KUALA LUMPUR: Sebanyak lima pasukan aerobatik dari pelbagai negara bakal menggegarkan Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) yang akan berlangsung pada Mei ini.

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang berkata, setakat ini lima negara telah bersetuju untuk menyertai pertunjukan terbabit.

Beliau berkata, antaranya adalah pasukan dari Indonesia, China, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Korea Selatan dan Rusia.

"Kita jangka LIMA tahun ini untuk segmen pertunjukan udara adalah amat meriah kerana biasanya kalau ada lima negara buat sekali, kita boleh nampak semangat bertanding antara mereka.

"Dalam tempoh dua jam, kita akan dapat satu pertunjukan yang menggerunkan dan diharap cuaca tidak hujan adalah bonus," katanya ditemui pada majlis sambutan Hari Raya Adilfitri Angkatan Tentera Malaysia (ATM), di sini, hari ini.

Meskipun cuaca panas, ia tidak akan mengganggu perjalanan LIMA'23, namun Affendi menasihati mereka yang hadir ke pameran itu supaya bersedia dengan membawa payung serta air yang secukupnya.

Selepas empat tahun ditangguhkan LIMA'23 kini kembali dianjurkan pada 23 hingga 27 Mei ini.

© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd. 200001032668(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lima23-pertunjukan-aerobatik-dari-lima-negara-bakal-gegarkan-ruang-udara-langkawi-418962>